



International Journal of Humanities,  
Philosophy and Language (IJHPL)  
Journal Website: <http://ijhpl.com/>  
eISSN: 2600-8270



## METODE TERJEMAHAN TEKS BAB SOLAT DALAM KITAB BAHRUL MAZI

### *METHODOLOGY OF TRANSLATION ARABIC TEXT IN CHAPTER SOLAT IN KITAB BAHRUL MAZI*

Abdul Mu'iz Ahmad<sup>1</sup>, Taj Rijal Muhamad Romli<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: muizmajazi@gmail.com

<sup>2</sup> Department of Language and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: taj.rijal@fbk.upsi.edu.my

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 05.03.2020

Revised date: 09.03.2020

Accepted date: 14.03.2020

Published date: 15.03.2020

##### To cite this document:

Ahmad, A. M., & Romli, T. R. M. (2020). Metode Terjemahan Teks Bab Solat Dalam Kitab Bahrul Mazi. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (9), 14-23.

DOI: 10.35631/IJHPL.39003.

#### Abstrak:

Menurut Koharudin (2004, Bil. 3, h. 56, dalam M. Hisyam, Mikdar & Dawilah, 2012), Kitab Jawi pada masa yang sama turut juga dikenali sebagai kitab kuning. Pada awal abad ke-20, perkataan 'kuning' dipanggil kerana kertas buku berwarna kuning dan bahan kertas asal untuk percetakannya diperolehi dari Asia Tengah. Tambahan pula, teknik terjemahan terhadap kitab-kitab lama atau kuning masih dalam takluk lama iaitu terjemahan harfiah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis terjemahan teks Bab Solat dalam Kitab Bahrul Mazi. Pengkaji menggunakan reka bentuk data kualitatif dengan pemilihan sebanyak 10 daripada 88 Bab Hadis yang terdapat dalam kitab ini. Teori Eugene Nida (1964) dijadikan sebagai panduan untuk membina kerangka kajian bertujuan untuk menganalisis metode terjemahan alternatif yang bersesuaian dengan kitab ini. Lantaran itu, kajian ini diharapkan dapat lebih memudahkan para pembaca khususnya dapat mudah difahami metode terjemahan yang dihuraikan seterusnya dapat mengamalkan ajaran Nabi Muhammad dengan betul dan sohih.

#### Kata Kunci:

Metode terjemahan; Teori Eugene Nida; Teks terjemahan Hadis

#### Abstract:

According to Koharudin (2004, No. 3, p. 56, Dalam M. Hisyam, Mikdar & Dawilah, 2012), 'Kitab Jawi' also known as 'Kitab Kuning'. In the early 20th

century, the word 'Yellow' was called because the colour of the paper of the book was yellow and the original paper material for printing came from Central Asia. In addition, the technique of translating the old or yellow Kitab is still in an old form which is a literal translation. Therefore, this research was conducted to analyse the translation from Chapter of Prayer in 'Kitab Bahrul Mazi'. The researcher used qualitative data with a selection of 10 out of 88 'Bab Hadis' which contain in the Kitab. Eugene Nida's Theory (1964) was used as a guide to be developing a research framework that aimed to analyse the alternative methods which are suitable for the Kitab. Because of that, this study is expected to make it easier for the readers specially to understand the method of translation and to be able to practice the teachings of the Prophet Muhammad correctly and faithfully.

**Keywords:**

Translation Method; Eugene Nida's Theory; *Hadith* Translation Text

## **Pengenalan**

Menurut Koharudin (2004, Bil. 3, h. 56, dalam M. Hisyam, Mikdar & Dawilah, 2012), Kitab Jawi pada masa yang sama turut juga dikenali sebagai kitab kuning. Pada awal abad ke-20, perkataan 'kuning' dipanggil kerana kertas buku berwarna kuning dan bahan kertas asal untuk percetakannya diperolehi dari Asia Tengah. Menurut Luqman Yusuf (2000, dalam Masyhura et al., 2015) menjelaskan melalui sistem pengajian ini, masyarakat Melayu lebih memahami hukum hakam, akidah dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam. Natiujahnya, sistem pengajian berkembang maju di Negeri-Negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan.

Penulisan kitab-kitab turath bermula pada abad ke-16 dalam kalangan ulama-ulama tempatan dengan menggunakan Bahasa Melayu yang ditulis dengan huruf jawi. Kitab Jawi meningkat pengeluaran dan penyebarannya apabila abad ke-19 alat cetak mula diperkenalkan di Alam Melayu (M. Hisyam, Mikdar & Dawilah, 2012). Syeikh Wan Mohd Shaghir bin Wan Abdullah antara penerbit utama yang telah berjaya menubuhkan sebuah syarikat penerbitan Khazanah Fathaniyyah pada 1995. Syarikat ini ditubuhkan disebabkan oleh tidak wujud sebuah organisasi yang khusus untuk memelihara khazanah-khazanah kitab kuning yang dihasilkan oleh ulama-ulama Nusantara dahulu.

## **Kesalahan Tatabahasa**

Antara isu utama terjemahan yang timbul adalah kesalahan tatabahasa dalam terjemahan. Justeru, kesalahan dalam penterjemahan aspek tatabahasa tersebut mempunyai implikasi terhadap makna yang ingin disampaikan (Haslina & Hasuria, 2016). Lantaran itu, ianya turut memberi kesan kepada kesalahan-kesalahan tertentu yang dapat mengelirukan pembaca. Beberapa kajian analisis terhadap terjemahan elipsis menemui beberapa kesalahan, kekeliruan, kehilangan, percanggahan dan juga manipulasi makna (Azman & Idris, 2017).

Selain itu, teknik terjemahan terhadap kitab-kitab lama atau kuning masih dalam takluk lama iaitu terjemahan harfiah. Terjemahan Harfiah dilakukan dengan cara memahami terlebih dahulu makna perkataan demi perkataan yang terdapat dalam teks. Kemudian, setelah memahami ayat tersebut, maka disusun perkataan mengikut gaya bahasa dan istilah yang sesuai dengan bahasa sasaran walaupun maksud ayat tersebut kurang jelas. (Ismail Lubis, 2014, h. 97).

Ab. Halim Mohammad (2012) berpendapat kesilapan terjemahan teks bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu berlaku disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

- 1) Penterjemah tidak memahami dengan baik struktur tatabahasa Arab dan fungsi pekataan yang disusun mengikut kaedah tatabahasa.
- 2) Penterjemah tidak dapat memahami maksud sebenar teks yang mempunyai makna alegori dan metafora.
- 3) Penterjemah tidak memahami penggunaan bahasa mengikut sosiobudaya Arab dan tidak memahami antropologi kebudayaan Arab.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti tiga objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengetahui teknik penterjemahan Kitab Al-Bahru Al- Madzi
2. Menganalisis teks terjemahan Kitab Al Bahru Al- Madzi berdasarkan terjemahan terkini
3. Mencadangkan alternatif terjemahan terhadap Kitab Al-Bahru Al- Madzi.

### **Soalan Kajian**

Bagi menjawab objektif kajian, berikut adalah antara persoalan yang terdapat dalam kajian ini:

1. Apakah teknik penterjemahan yang digunakan dalam Kitab Al Bahru Al- Madzi?
2. Adakah teks terjemahan Kitab Al Bahru Al- Madzi berdasarkan terjemahan terkini?
3. Apakah alternatif terjemahan terhadap Kitab Al-Bahru Al- Madzi?

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini adalah sebagai panduan teknik terjemahan Hadis. Pengkaji tidak menafikan terhadap terjemahan Hadis yang dihasilkan oleh Syeikh Idris Al-Marbawi. Bahkan pengkaji amat menganggunya akan terjemahan Hadis yang dihasilkannya dan kehebatan ilmu khususnya kepakaran beliau dalam bidang Hadis. Justeru, kajian ini hanya menyusun semula dan membuat penambahbaikan terhadap struktur Bahasa Melayu yang diterjemahkan tanpa mengubah sebarang maksud atau mesej yang disampaikan dalam Hadis.

Selain itu, kepentingan kajian ini ialah memperkenalkan metod atau kaedah terhadap analisis terjemahan Hadis dalam kitab Turath. Dalam bidang penterjemahan, terdapat banyak teori yang dihasilkan oleh para sarjana sama ada kontemporari dan moden dalam bidang ini khususnya. Oleh itu, pengkaji akan menganalisis akan teori-teori tersebut dan memilih teori yang sesuai untuk membuat penambahbaikan terhadap terjemahan yang dihasilkan yang sedia ada. Oleh itu, faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan dalam terjemahan adalah jenis teks yang diterjemahkan, contohnya sama ada bahan akademik atau buku agama selain golongan sasaran terjemahan sama ada terdiri daripada golongan intelektual, pakar, remaja dan kanak-kanak (Ainon Mohd, 2008).

### **Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan hadis serta terjemahannya yang terkandung dalam kitab Bahru Al-Madzi dalam Bab Solat Syarah Mukhtasar Shahih At-Tirmidzi (Juzu'4) yang disusun oleh Muhammad Idris Al-Marbawi dan pengalihan tulisan jawi ke rumi oleh Noraine Abu terbitan Al-Hidayah yang menghuraikan sebanyak 88 bab Hadis. Dalam kitab ini, terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

<b>BAB</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1-9	1) SOLAT HARI RAYA	1-38
10-50	2) MUSAFIR	39-219
51-88	3) ZAKAT	221-404

Berdasarkan jadual ini, batasan dalam kajian ini ialah pada bahagian kedua bab Musafir yang menumpukan hanya 10 bab sahaja iaitu bab 11-20.

### **Terjemahan Dinamik**

Terjemahan Dinamik diasaskan oleh Eugene Nida (1964). Beliau merupakan professor dalam bidang linguistik dalam dunia terjemahan di Amerika Syarikat. Beliau mengatakan: “*Translation consists in producing in the receptor language the closest natural equivalent to the message of the source language, first in meaning and secondly in style*”. Berdasarkan keterangan ini, beliau berpendapat penterjemahan ini merupakan suatu penghasilan daripada suatu teks (teks terjemahan) yang mempunyai persamaan dinamik yang diambil dari bahasa sumber (bahasa asal) yang merangkumi dua aspek iaitu makna dan gaya bahasa. Natijahnya, terdapat enam item yang mengandungi dalam teori ini iaitu, penyalinan semula maklumat, persamaan bukan keserupaan, persamaan sejadi / formal, persamaan terdekat / dinamik, keutamaan makna dan kepentingan gaya.

### **Terjemahan Literal**

Menurut Vinay & Darbelnet (1995: 33) mentakrifkan terjemahan literal sebagai “terjemahan berturutan perkataan demi perkataan namun pada masa yang sama menghasilkan hasil terjemahan yang idiomatik dan gramatis dalam bahasa sasaran”. Hasil kajian menunjukkan prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995) berupaya membantu penterjemah menangani beberapa isu berbangkit dalam menterjemah teks Bahasa Arab ke Bahasa Melayu khususnya isu-isu yang berkaitan dengan aspek budaya yang terdapat dalam teks kategori Hadis (Subki, 2017).

Berdasarkan dalam buku Vinay & Darbelnet (1995) yang bertajuk *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation* menyatakan terdapat dua kaedah penterjemahan, iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Manakala, terjemahan tidak langsung pula terbahagi kepada empat iaitu transposisi, modulasi, persamaan dan adaptasi. Selain itu, terdapat juga tiga kaedah tambahan yang terdapat dalam buku yang sama iaitu eksplisitasi, generalisasi dan pengguguran. Natijahnya, terdapat sepuluh kaedah dalam teori ini iaitu, peminjaman, pinjam terjemah, terjemahan literal, transposisi, modulasi, persamaan, adaptasi, pengeksplicitan, generalisasi dan pengguguran.

### **Teori Dan Konsep Berkaitan**

Dalam sudut perbincangan lain pula, Al-Hafiz Ibn Hajar didalam kitabnya Syarah al-Nukhbar telah mengemukakan pandangan mengenai terjemahan Hadis. Menurutny: Manakala periwayatan Hadith dengan makna pula, perselisihan pendapat para ulama mengenainya adalah masyhur. Walaupun begitu, kebanyakan mereka mengharuskannya. Antara hujah mereka yang terkuat ialah ijmak mengharuskan penerangan syariat dengan menggunakan bahasa asing kepada non-Arab oleh mereka yang mahir dalam bahasa tersebut (Mohd Norzi bin Nasir, 2012).

Namun demikian, terdapat sabdaan Rasulullah yang memberi keringanan untuk membenarkan penterjemahan Hadis ini iaitu dengan pemindahan makna periwayatan Hadis tanpa terikat dengan lafaz. Perkara ini dirojihkan dengan sebuah Hadis daripada Ibn Mandah: “Daripada Ya’kub bin Abdullah bin Sulaiman bin Ukaimah al-Laithi daripada bapanya daripada datuknya berkata: Kami mendatangi Rasulullah dan bertanya kepada Baginda: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya apabila kami mendengar Hadis daripadamu, kami tidak mampu meriwayatkannya sebagaimana kami mendengar daripadamu. Lalu Baginda menjawab:

“Selagi kamu tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Selagi maksudnya tepat, maka tidak mengapa” (Al-Tabrani, 1983).


### **Kajian-Kajian Lepas**

Kajian yang telah dilakukan oleh Harun Zainal Abidin (2014) yang berjudul “Penulisan Hadis dalam karya terjemahan : kajian terhadap terjemahan Hadith dalam kitab Fath Al-Muin” khususnya dalam penerbitan Perniagaan Jahabersa Sdn Bhd. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang teknik-teknik penterjemahan khusus bagi teks agama daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dari aspek format penulisan serta teknik penterjemahan Hadis-Hadis yang terkandung di dalamnya. Metodologi dalam kajian ini adalah menilai sebanyak 103 Hadis di dalam kitab tersebut. Seterusnya, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa kesilapan dan kesalahan yang telah dilakukan semasa penterjemahan Hadis seperti pengguguran perkataan dalam teks Hadis serta terjemahannya. Selain itu, teks Hadis dijadikan teks pengarang kitab serta terdapat terjemahan yang tidak sama terhadap teks Hadis yang sama.

Kajian seterusnya oleh Saifullah Samsudin, Muhammad Fauzi Jumingan, Abdul Rauf Hassan & Zulkifli Ismail (2014) yang bertajuk “Terjemahan Metafora dalam Hadis Rasulullah S.A.W: Analisis Aspek Budaya”. Teks metafora merupakan salah satu teks yang paling sukar untuk diterjemahkan khususnya dalam bidang agama yang berkaitan dengan Hadis yang merupakan sumber kedua yang terbesar dalam Islam. Justeru itu, kajian ini telah menghuraikan kepada aspek penterjemahan teks bermetafora ini khususnya dalam aspek perbezaan budaya bahasa sumber dengan budaya bahasa sasar. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan terjemahan semantik komunikatif yang diasaskan oleh Peter Newmark. Dapatan kajian ini dianalisis terjemahan teks-teks Hadis yang terdapat dalam terjemahan kitab Riyadh al-Salihin terbitan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri. Natijahnya, pengkaji dapat mengaplikasikan kaedah terjemahan teks ini dan seterusnya dapat menarik minat pembaca untuk menerokai keindahan metafora yang disabdakan oleh Nabi Muhammad sebagai *role model* kepada ummah.

### **Metodologi**


Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis teks. Menurut Gibs (2011), sukar untuk menemukan definisi kajian kualitatif yang diterima guna oleh majoriti penyelidik kualitatif. Penyelidikan kualitatif bertujuan mendekati dunia ‘di luar sana’ (bukan berupa penyelidikan khusus seperti makmal) untuk memahami, menerangkan dan kadang-kadang menerangkan fenomena sosial ‘dari dalam’ dalam beberapa reka bentuk yang berbeza: (Gibs, 2011). Selain itu, reka bentuk kajian kualitatif bergantung pada tujuan kajian. Tidak ada satu kriteria yang ketat tentang saiz sampel (Patton, 1990).



**Rajah 1: Reka Bentuk Kajian Umum.**

## **Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:



## **Prosedur Analisis Data**

Prosedur analisis data merupakan sub topik yang amat penting kerana menggambarkan kualiti kajian bagi seseorang pengkaji. Analisis ini dihasilkan berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian lain. Prosedur analisis data bagi kajian ini adalah seperti berikut:

### ***Membaca***

Membaca merupakan antara kaedah yang utama dalam proses penterjemahan. Tanpa pembacaan, proses penterjemahan tidak akan berlaku kerana Menurut Vinay & Darbelnet (1958/ 1995: 33) mentakrifkan terjemahan literal sebagai “terjemahan berturutan perkataan demi perkataan namun pada masa yang sama menghasilkan hasil terjemahan yang idiomatik dan gramatis dalam bahasa sasaran.

### ***Memahami***

Kaedah yang seterusnya adalah faham. Dalam bidang terjemahan khususnya, seseorang penterjemah mestilah memahami teks sumber atau teks asal sebelum diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Lantaran itu, antara kaedah yang lazim digunakan oleh seseorang penterjemah adalah dengan merujuk kepada kamus seperti Kamus Besar Dewan (Arab-Melayu), Kamus Istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kamus al-Khalil, Ensiklopedia Hadis dan sebagainya.

### ***Menilai***

Membuat penilaian adalah antara langkah terpenting juga kerana ianya berkaitan dengan tatabahasa sesuatu perkataan yang berkaitan dengan ilmu Nahu dan Sorof. Menurut Ibrahim Mustafa (1937) dan Syauqi Dif (1977) yang merupakan para sarjana bahasa Arab moden mengatakan antara kepentingan ilmu Nahu yang jauh lebih penting iaitu untuk mengetahui kaedah memilih kata, frasa dan klausa yang tepat untuk dijadikan ayat dan mengkaji hubungannya dengan kata-kata lain, sejauh mana kesesuaian antaranya, sama ada dari sudut fonologi, morfologi dan juga semantik.

### ***Menstruktur Semula***

Menstruktur semula adalah langkah yang terakhir dalam penterjemahan. Ianya merangkumi proses pemurnian bahasa seperti susunan perkataan, imbuhan, istilah dan sebagainya. Penggunaan istilah amat penting kerana ianya melibatkan terjemahan budaya yang melibatkan budaya bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Menurut Larson (1984: 431) pula mengakui bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada budaya. Di samping itu, sarjana-sarjana terjemahan seperti Newmark (1988), Nord (1997), Abdullah & Ainon (2001), dan Goh (2007) juga mencadangkan bahawa untuk menterjemahkan teks sastera, para penterjemah teks sastera pula menyenaraikan semula pengalaman menterjemah bentuk-bentuk teks tersebut.

Misalnya, transposisi. Transposisi ditakrifkan sebagai mengekalkan maksud teks asal dengan menggantikan satu kelas kata dengan kelas kata lain (Vinay & Darbelnet 1995: 36). Kaedah ini menggunakan dengan kaedah secara semantik dengan melibatkan kelas kata yang berlainan dengan pemindahan elemen bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Sebagai contoh, frasa Arab مَمْنُوعُ التَّدخين (kata nama + kata nama) diterjemahkan sebagai “dilarang merokok” (kata kerja + kata kerja).

Selain itu, menurut Vinay & Darbelnet (1995:36) mentakrifkan modulasi sebagai perubahan yang berlaku pada sudut pandangan teks sumber yang berbeza dengan sudut pandangan teks sasaran. Sebagai contoh, perkataan السَّخْرَة, jika diterjemahkan secara literal bermaksud “tukang sihir”. Akan tetapi, dengan menggunakan kaedah modulasi ini, perkataan ini diterjemahkan sebagai “bomoh”. Kaedah ini hanya memerlukan para penterjemah menterjemahkan teks mengikut kesesuaian kepada keadaan pembaca tanpa mengubah makna asal.



### **Mencadangkan Terjemahan**

Terdapat banyak teori yang diasaskan oleh sarjana-sarjana dalam bidang terjemahan khususnya. Lantaran itu, pengkaji hanya mencadangkan satu teori sahaja yang bersesuaian dalam penterjemahan Hadis iaitu teori dinamik. Terjemahan Dinamik diasaskan oleh Eugene Nida (1964). Beliau merupakan professor dalam bidang linguistik dalam dunia terjemahan di Amerika Syarikat. Beliau mengatakan: “*Translation consists in producing in the receptor language the closest natural equivalent to the message of the source language, first in meaning and secondly in style*”. Berdasarkan keterangan ini, beliau berpendapat penterjemahan ini merupakan suatu penghasilan daripada suatu teks (teks terjemahan) yang mempunyai persamaan dinamik yang diambil dari bahasa sumber (bahasa asal) yang merangkumi dua aspek iaitu makna dan gaya bahasa. Natijahnya, terdapat enam item yang mengandungi dalam teori ini iaitu, penyalinan semula maklumat, persamaan bukan keserupaan, persamaan sejadi / formal, persamaan terdekat / dinamik, keutamaan makna dan kepentingan gaya.

### **Kesimpulan**

Melaui pemerhatian secara keseluruhannya terhadap terjemahan bebas ini yang menggunakan teori Nida ini, pengkaji mendapati hasil dapatan kajian yang sangat bermanfaat dan berguna bagi memudahkan pemahaman kepada pembaca. Selain itu, kitab ini dipilih oleh pengkaji kerana kitab ini merupakan antara kitab yang digunakan oleh pencinta ilmu khususnya di pondok-pondok, madrasah-madrasah, pesantren-pesantren dan lain-lain.

### **Rujukan**

- Ainon Muhammad. (1985). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal 16.
- al-Qasimiy, al-Syeikh Jamaluddin, 1994. *Qawaid al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Beirut. Dar al-Nafais.
- al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad. 1404H/1983M. *al-Mu'jam al-Kabir*; Maktabah al-Ulum wa al-Hikam.
- al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Thawrah. 1998. *Jami' al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Azman Ariffin & Idris Mansor. 2018, *Analisis Kesahihan Makna Terjemahan Elemen Elipsis Al-Quran ke dalam Bahasa Melayu*.
- Azani, Fauzi, Zulkifli & Azman Che Mat. 2015, *Penterjemahan Leksikal Qala dan Derivasianya dalam Al-Quran: Satu Penerapan Teori Semantik dan Komunikatif*.
- Hasuria Che Omar. 2017, *Nilai Terjemahan Menerusi Persona, Proses dan Produk: Satu Refleksi dari Sudut Profesionalisme*.
- Intan Suraya Zainol & Haslina Haroon. 2018, *Hubungan antara Teks Terjemahan, Teks Perantara dan Teks Sumber dalam Penterjemahan Tidak Langsung: Kajian Kes Nurani Tanah Melayu*.
- Ismail Hashim & Saipolbarin Ramli. 2017, *Implikasi Filologi dalam Memahami Teks Hadith: Analisis Hadith Akhlak terhadap Ibu Bapa berdasarkan Kitab Al-Adab Sahih Al-Bukhari*.
- Kasyfullah & Idris Mansor. 2017, *Pentakwilan Makna dalam Terjemahan al-Quran di Malaysia*.
- Kasyfullah & Idris Mansor. 2018, *Pemikiran Basmeih dalam Terjemahan Al-Quran “Tafsir Pimpinan Al-Rahman”*.
- Kasyfullah & Idris Mansor. 2017, *Terjemahan Perkataan روح (Ruh) (Roh) dalam al-Quran ke Bahasa Melayu*.
- Lubna Rahman & Arnida A bakar. 2018, *Terjemahan Teks melalui Google Translate (GT): Analisis Tugas Pelajar FPBU*.

- Maimun Aqsha Lubis. 2015, *Institusi Pondok dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.
- Majdi Ibrahim & Saupi Man. 2015, *Kaedah Penterjemahan Struktur Ayat Balaghah di dalam Quran*.
- Mohd Hilmi b. Abdullah. 2015, *Konsep, Kaedah & Teknik Terjemahan Arab-Melayu*. Pustaka Hilmi, Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- Mohd. Hisyam, Mikdar Rusdi & Syed M. Dawilah. 2012, *Umm Al-Barahin and Its Relationship with Malay Jawi Books*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Hafiz & Muhammad Fauzi. 2015, *Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab-Melayu Satu Analisis Ketenunan Teks*.
- Muazah & Idris Mansor. 2017, *Kajian Terjemahan Hadis di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*.
- Nida, Eugene A. & Taber, Charles R. (1974). *The Theory and Practise of Translation*. Leiden: Brill. Hal 12.
- Noranie Abu. 2005, *Bahru al-Madzi Syarah Mukhtasar Shahih At-Tirmidzi (Juzu'4) Bahagian Solat & Zakat*.
- Noor Amida, Hazirah, Eliza & Najihah. 2017, *Keunikan I'rab dalam Tatabahasa Bahasa Arab*.
- Othman Lebar. 2018, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode (Edisi Kedua)*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patrick Kinross (1977) *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire* London: Perennial, hlm. 576.
- Qasimiy, al-Syeikh Jamaluddin, al-(1994). *Qawaid al-Tahdith mim Funan Mustalah al-Hadith*. Beirut. Dar al-Nafais. Hal 232
- Radiah Yusoff & Solakhiah Januri, 2016. *Pembentukan Istilah Nahu Generatif Bahasa Melayu*.
- Rose 'Afidah & Syed Nurulakla. 2017, *Strategi Pengeksplisitan yang Didorong oleh Faktor Tatabahasa dalam Terjemahan Novel 'Ustaz' ke Bahasa Arab*.
- Saifulah, Manan, Husni, Hamid & Qaratuljannati. 2017, *Permasalahan Penterjemahan Hadis dalam Teks Khutbah Jumaat Terbitan JAIS*.
- Subki Tajjudin & Idris Mansor. 2017, *Terjemahan Min Wasaya Al Rasul Li Al-Rijal ke Bahasa Melayu; Cabaran Penterjemahan dan Aplikasi Prosedur Penterjemahan*.
- Sumaiyah Maktar & Idris Mansor. 2018, *Arkeologi Terjemahan Arab-Melayu: Kajian Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani*.
- Syed Nurulakla & Mohd Zaki. 2015, *Strategi Pengeksplisitan dalam Penterjemahan "Rihlah Ibn Battutah" ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris*.
- Wan Mohd Khairul Firdaus & Wan Khairul Aiman. 2011, *Sumbangan Khazanah Fathaniyah terhadap Pengumpulan dan Penulisan Kitab-Kitab Hadith Jawi Nusantara*.
- Zaharom Ridzwan. 2017, *Bentuk Terjemahan Kata Kerja Perintah dalam Surah Al-Nisa'*.